

Headline	Usah gugat Hutan Simpan Lentang		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	17
ArticleSize	556 cm <sup>2</sup>	Journalist	RIDZAUDDIN
PR Value	RM 43,287		



2,000 penduduk Janda Baik bantah pembinaan laluan grid menara talian elektrik TNB

# Usah gugat Hutan Simpan Lentang

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

**B**ENTONG – Ibarat dihentak tidak masuk, diumpil tidak keluar.

Begitulah bantahan demi bantahan oleh kira-kira 2,000 penduduk kampung sekitar Janda Baik sejak tahun 2014 sehingga hari ini masih gagal menghalang cadangan laluan grid projek pembinaan menara talian elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) fasa tiga di Hutan Simpan Kekal Lentang di sini.

Projek berkeluasan kira-kira 100 hektar yang menghubungkan kawasan Bentong, Pahang ke Lenggeng, Negeri Sembilan itu mula dilaksanakan sejak September tahun lalu.

Terdahulu, projek pembinaan menara talian penghantaran elektrik TNB fasa satu dan dua yang menghubungkan antara Bentong ke kawasan Kampung Janda Baik telah dibina sejak tahun 2011.

Menurut **Pengerusi Bantahan Penduduk Kampung Janda Baik, Mohd. Rosli Norr Rashid**, pihaknya bimbang aktiviti penerokaan tanah bagi projek tersebut akan menyebabkan sungai di sekitarnya yang menjadi sumber air kepada penduduk bakal tercemar selain berlakunya aktiviti pembalakan haram.

“Apa yang membimbangkan, sungai-sungai seperti Sungai Tampik, Sungai Chemperoh, Sungai Lurah, Sungai Cheringin dan Sungai Benus bakal terjejas serta tercemar akibat aktiviti penerokaan tersebut.

“Kami tidak mahu kejadian tanah runtuh di Lentang pada tahun lalu

yang didakwa kesan daripada penerokaan bagi menjayakan projek tersebut berlaku di kawasan Janda Baik pula,” katanya ketika ditemui pemberita selepas mengadakan bantahan di sini semalam.

Mohd. Rosli berkata, sebelum ini penduduk kampung telah membuat bantahan kepada TNB supaya mengalihkan laluan grid berkenaan ke kawasan lain pada tahun 2014, namun tidak berhasil dan gagal mencapai sebarang keputusan.

“Bantahan kedua pula dibuat pada Oktober tahun lalu dan ekoran itu, pihak TNB berjumpa penduduk kampung serta mengadakan dialog bagi menjelaskan kepentingan pembinaan projek berkenaan.

“Kami tidak membantah pelaksanaan projek itu tetapi berharap laluan grid berkenaan dilencong ke kawasan lain agar tidak menjejaskan sungai-sungai dalam Hutan Simpan Kekal Lentang,” ujarnya.

Beliau menambah, selain bantahan, penduduk kampung turut membina sekatan selama tiga bulan di Ulu Sungai Benus bagi menghalang kontraktor daripada keluar dan masuk ke kawasan hutan berkenaan.

Jelasnya, hasil tindakan sekatan itu, pihaknya

menerima reaksi positif daripada kerajaan negeri yang kemudiannya mengarahkan lima buah jentera yang digunakan bagi

meneroka kawasan hutan dikeluarkan.

“Kami juga meminta agar kerajaan Pusat dapat mengkaji semula cadangan laluan grid baharu yang diusulkan penduduk kampung bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku,” katanya.



Headline	Usah gugat Hutan Simpan Lentang		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Page No	17
ArticleSize	556 cm <sup>2</sup>	Journalist	RIDZAUDDIN
PR Value	RM 43,287		



SEBAHAGIAN penduduk kampung sekitar Janda Baik memegang kain rentang sebagai bantahan terhadap cadangan laluan grid menara talian elektrik TNB fasa tiga di Hutan Simpan Kekal Lentang di Janda Baik, Bentong semalam.



PARA penduduk melihat sebuah daripada lima jentera berat keluar dari Hutan Simpan Kekal Lentang ketika melakukan sekatan di Ulu Sungai Benus di Janda Baik, Bentong.